

# PENAMATAN PERKHIDMATAN



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**Seksyen Perkhidmatan dan Saraan**

Bahagian Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar



## Jenis Penamatan

Mengenalpasti dan mengetahui jenis dan perkara yang berkaitan dengan penamatan



## Elak Ditamatkan

Mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh seseorang staf bagi mengelakkan ditamatkan perkhidmatan



## Panduan dan Prosedur

Mengetahui tentang panduan/ prosedur bagi mengendalikan penamatan perkhidmatan seseorang staf

# Jenis Penamatan

1

## Gagal disahkan

Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal/belum disahkan dalam perkhidmatan

2

## Persaraan

Persaraan Wajib, Pilihan, Atas Sebab Kesihatan, Terbitan

3

## Ditamatkan perkhidmatan

Penamatan perkhidmatan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan

4

## Peletakan dan Pelepasan Jawatan

Peletakan jawatan dan meninggalkan perkhidmatan di UTM dan pelepasan jawatan kerana mendapat jawatan lain dalam UTM

5

## PDKA / Dasar Pemisah

Penamatan demi kepentingan awam / Dasar Pemisah



# GAGAL DISAHKAN

## PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN ) 2012  
P.U. (A) 1/2012 (KUAT KUASA 1.1.2012)

Penamatan perkhidmatan pegawai yang gagal/belum disahkan dalam perkhidmatan

1

# PENAMATAN PEGAWAI BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN

1

Menyembunyi maklumat kesihatan

2

Membuat akuan palsu dalam Surat Akuan Sumpah (akuan berkanun)

3

Tidak mematuhi perkara dalam Surat Aku Janji

4

Meminda atau memalsukan dokumen yang berhubungan dengan pelantikan

5


Gagal tapisan keselamatan

6

Gagal memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan

7

Gagal mendapat perakuan Ketua Jabatan (prestasi, tatakelakuan dsb)



## Peluang Tunjuk Sebab

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan melainkan jika pegawai itu telah diberi **peluang untuk menunjukkan sebab dalam tempoh tidak kurang daripada 14 hari** dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan

# Penamatan Pegawai Yang **Gagal Disahkan**

**Penamatan Pegawai Yang Gagal Disahkan**  
dalam tempoh percubaan

**Tidak menghadiri  
Program  
Transformasi  
Minda dengan  
jayanya**


**Tidak lulus  
peperiksaan  
perkhidmatan**

**Tidak disokong  
Ketua Jabatan**

**Markah penilaian  
prestasi bawah  
80%**

# Penamatan Pegawai Yang **Gagal Disahkan**

Pegawai yang gagal disahkan dalam tempoh percubaan atau dalam tempoh perlanjutan **boleh ditamatkan dalam perkhidmatan.**





# 2

## **PERSARAAN**

### **PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN**

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN ) 2012  
P.U. (A) 1/2012 (KUAT KUASA 1.1.2012)

Persaraan Wajib, Pilihan, Atas Sebab Kesihatan, Terbitan







# KETERANGAN



#	Jenis Persaraan	Keterangan
1.	<b>Persaraan wajib kerana mencapai umur 55/56/58 tahun</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>☞ Lantikan sebelum 1.10.2001, bersara umur 55 tahun (PP 3/2001 &amp; PP 6/2008)</li><li>☞ Lantikan pada / selepas 1.10.2001, bersara umur 56 tahun (PP 3/2001 &amp; PP 6/2008)</li><li>☞ Lantikan pada / selepas 1.7.2008, bersara umur 58 tahun (PP 6/2008)</li> <li>☞ Jika ada perbicaraan jenayah / tindakan tatatertib yang mungkin disabitkan dibuang kerja belum selesai, umur persaraan dilanjutkan sehingga keputusan diperolehi.</li></ul>
2.	<b>Persaraan atas pilihan sendiri</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>☞ Berumur 40 tahun ke atas</li><li>☞ Tempoh perkhidmatan tidak kurang 10 tahun</li> <li>☞ Ganjaran dan GCR dibayar pada tarikh persaraan</li> <li>☞ Pencen dibayar pada umur 45 tahun (perempuan) dan umur 50 tahun (lelaki)</li> <li>☞ Pencen dibayar pada umur 55/56 tahun bagi mereka yang dilantik pada atau selepas 12.4.1991</li></ul>
3.	<b>Mati dalam Perkhidmatan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>☞ Ganjaran &amp; Pencen terbitan</li><li>☞ Waris : Balu/Duda dan anak</li></ul>



# PENAMATAN PERKHIDMATAN PAKSA



#	Jenis Persaraan	Akta Pencen 1980 (Akta 227)
1.	Persaraan wajib kerana mencapai umur 55/56 tahun	Seksyen 10(1)
2.	Persaraan atas sebab kesihatan	Seksyen 10(5)(a)
3.	Persaraan atas sebab penghapusan jawatan	Seksyen 10(5)(b)
4.	Persaraan atas sebab penyusunan semula organisasi	Seksyen 10(5)(c)
5.	Persaraan atas sebab pekerjaan anggota telah ditamatkan demi kepentingan awam	Seksyen 10(5)(d)
6.	Persaraan atas alasan memperolehi kewarganegaraan asing (berkuatkuasa bagi lantikan baru pada atau selepas 16.5.1986)	Seksyen 10(5)(e)
7.	Persaraan atas sebab memberi maklumat palsu bagi maksud perantikan anggota ke dalam perkhidmatan Kerajaan (berkuatkuasa bagi lantikan baru pada atau selepas 12.4.1999)	Seksyen 10(5)(f)
8.	Persaraan atas alasan kepentingan negara	Seksyen 11(a)
9.	Persaraan demi kepentingan Perkhidmatan Awam	Seksyen 11(b)
10.	Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan perniagaan atau pertubuhan antarabangsa	Seksyen 12A
11.	Dibuang Kerja	
12.	Ditamatkan Kontrak	



# PENAMATAN PERKHIDMATAN SUKARELA & KES KEMATIAN



#	Jenis Persaraan	Akta Pencen 1980 (Akta 227)
	<b>PENAMATAN PERKHIDMATAN SUKARELA</b>	
1.	Persaraan atas pilihan sendiri	Seksyen 12(1)
2.	Perletakan Jawatan	Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005
3.	Menamatkan Kontrak	Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005
	<b>MAKLUMAT KEMATIAN / KEHILANGAN</b>	
1.	Mati dalam Perkhidmatan	Seksyen 14(1)

# Persaraan

---

**Persaraan Paksa**



**Persaraan Pilihan**



**Persaraan Atas  
Kehendak Kerajaan  
/ Menteri**



**Persaraan Kerana  
Penswastaaan**



# PERSARAAN PAKSA

Mencapai  
Umur 55/  
56/ 58/ 60

**01**

Pada hari seseorang anggota mencapai umur 55/56/58/60 tahun mengikut opsyen umur bersara yang dipilih.

Atas Sebab  
Kesihatan

**02**

Anggota yang kesihatannya tidak memuaskan boleh dibersarakan atas sebab kesihatan.

Atas Sebab  
Penghapusan  
Jawatan

**03**

Jawatan yang disandangnya dihapuskan boleh dibersarakan dari perkhidmatan dan terus dibayar faedah persaraan.

Atas Sebab  
Penyusunan  
Semula  
Organisasi

**04**

Penyusunan semula organisasi bagi maksud menghasilkan lebih kecekapan dan terus dibayar faedah persaraan.

Atas Sebab  
Kepentingan  
Awam

**05**

Seseorang anggota telah ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam.

Memperoleh  
W\negara  
Asing @  
Dilucutkan  
Warganegara

**06**

Anggota yang dibersarakan atas sebab ini tidak akan dibayar faedah persaraan

Memberi  
Maklumat  
Palsu Untuk  
Pelantikan

**07**

Jika terbukti memberi maklumat secara palsu, silap, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan

# PERSARAAN ATAS KEHENDAK KERAJAAN @ MENTERI

## Persaraan Atas Kepentingan Negara

**01**

Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki seseorang anggota supaya bersara atas kepentingan Negara pada mana-mana peringkat umur.



## Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam

**02**

Yang di-Pertuan Agong boleh mengkehendaki seseorang anggota supaya bersara atas kepentingan awam pada mana-mana peringkat umur.

# PERSARAAN PILIHAN

---

## Persaraan Pilihan

**01**

Mengemukakan permohonan persaraan pilihan apabila atau selepas mencapai umur 40 tahun dan sekurang-kurangnya 10 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira.

# PENSWASTAAN

---

## Dilantik Untuk Berkhidmat Dalam Pertubuhan

**01**

berumur kurang daripada 45 tahun bagi perempuan atau 50 tahun bagi lelaki yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan.

# SYARAT PERSARAAN PILIHAN

---

01

Sah jawatan &  
PTB

02

Berumur 40 tahun

03

Berkhidmat 10  
tahun

04

Sokongan KJ

05

Bebas Tapisan  
SPRM

06

Bebas Tindakan  
Tatatertib

07

Batal/Pinda? Sebelum  
Kuatkuasa

08

Bayar? 55 tahun\*



# PERSARAAN ATAS SEBAB KESIHATAN

---



Telah Disahkan Dalam Jawatan



Diputuskan oleh Lembaga Perubatan

Keadaan yang boleh dihadapkan ke Lembaga Perubatan:



Cuti sakit tahunan telah habis



Tiada harapan sembuh



Cuti 45 hari/tahun, 3 tahun berturut-turut



Kesihatan mental dan fizikal diragui



Penyakit kusta, tibi atau barah



Cedera semasa bertugas bukan disebabkan kecuaiian

# FAEDAH PERSARAAN

---

Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, beserta faedah ke atasnya boleh diberi kepada anggota mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa apabila cukup umur 55 tahun.



**Pencen (bulanan) :**  
 **$1/600 \times$  bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira  $\times$  gaji pokok akhir (terhad kepada  $3/5$  daripada gaji akhir yang diterimanya)**

**Ganjaran (sekaligus):**  
 **$7.5\% \times$  bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira  $\times$  gaji pokok akhir.**

# FAEDAH TERBITAN

Jumlah caruman kepada KWSP berserta faedah ke atasnya boleh diberi kepada tanggungan anggota mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa

Tiada apa-apa pemberian dibuat kepada mana-mana pihak.

Dalam Perkhidmatan

Dalam Persaraan

Pencen terbitan (bulanan) dan Ganjaran terbitan (sekaligus) diberi kepada ahli keluarga tanggungan yang layak.

Pencen terbitan (diberi kepada ahli keluarga tanggungan yang layak.

# PENAMATAN TANPA PERSARAAN\*

---

## Skim KWSP



Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, beserta faedah ke atasnya kekal dalam akaun KWSP anggota untuk “dicantumkan” dengan caruman semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.

## Skim Pencen



Anggota **tidak** diberi apa-apa faedah persaraan. Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, beserta faedah ke atasnya sebelum anggota memperolehi taraf berpencen, kekal dalam akaun KWSP anggota untuk “dicantumkan” dengan caruman KWSP semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.

**\*Meletak Jawatan/Dibuang Kerja**



3

# DITAMATKAN PERKHIDMATAN

## PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN ) 2012

P.U. (A) 1/2012 (KUAT KUASA 1.1.2012)

Penamatan perkhidmatan pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan

# Penamatan Staf

## Berdasarkan Lantikan



### **Staf tetap telah disahkan dalam perkhidmatan**

Penamatan hanya boleh dibuat melalui Jawatankuasa Tatatertib



### **Staf kontrak/ sementara**

Penamatan perkhidmatan hanya boleh dibuat tertakluk kepada kontrak yang telah dinyatakan. Tempoh penamatan yang digunakan di UTM Ketika ini adalah dengan memberi 30 hari notis atau membayar sebulan gaji pokok.



4

# PELETAKAN DAN PELEPASAN JAWATAN

## PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN ) 2012

P.U. (A) 1/2012 (KUAT KUASA 1.1.2012)

Peletakan jawatan dan meninggalkan perkhidmatan di UTM dan pelepasan jawatan kerana mendapat jawatan lain dalam UTM



# PELETAKAN JAWATAN

## Tafsiran

“peletakan jawatan” bermaksud **pemakluman untuk berhenti berkhidmat daripada Perkhidmatan Awam** dengan mengemukakan notis peletakan jawatan kepada Ketua Jabatan atas sebab berikut:



- Dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam perkhidmatan awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan; atau
- Pegawai tidak lagi berhasrat untuk meneruskan perkhidmatannya dengan perkhidmatan Kerajaan.



# PELETAKAN JAWATAN



Seseorang yang berhasrat meletak jawatan hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada Ketua Jabatan **30 hari sebelum perletakan jawatan** berkuat kuasa atau sebulan gaji sebagai ganti notis

*[subperaturan 54(1) dan (2)]*

- Berkuat kuasa pada hari yang berikutnya selepas hari yang tempoh notis diberikan oleh pegawai itu tamat.
- Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa tidak boleh ditarik balik.

# PEMENDEKAN NOTIS PELETAKAN JAWATAN

Ketua Jabatan boleh menimbang permohonan pegawai untuk memendekkan tempoh notis peletakan jawatan atas sebab berikut:



- pegawai dilantik ke mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam Negeri, pihak berkuasa berkanun (Persekutuan dan Negeri) atau pihak berkuasa tempatan;
- pegawai ditawarkan pelantikan ke mana-mana jawatan dalam syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan;
- pegawai atau pasangannya, anak atau ibu bapa pegawai itu mengalami masalah kesihatan;
- pegawai menghadiri kursus atau latihan yang ditawarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan; atau
- apa-apa sebab lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

# PELETAKAN DAN PELEPASAN JAWATAN

## Pelepasan Jawatan

Pemakluman secara rasmi bertulis kepada Ketua Jabatan mengenai hasratnya untuk meninggalkan jawatan yang sedang disandangnya

Dilantik ke jawatan dalam:

(a) Skim perkhidmatan yang lain di bawah Suruhanjaya yang sama

ATAU

(b) Skim perkhidmatan yang sama atau berlainan di bawah Suruhanjaya yang lain

## Peletakan Jawatan

Pemakluman untuk berhenti berkhidmat dalam perkhidmatan awam dengan mengemukakan notis peletakan jawatan

Dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan;

ATAU

Pegawai tidak lagi berhasrat untuk meneruskan perkhidmatannya dengan perkhidmatan kerajaan.



5

# PDKA / DASAR PEMISAH

## **PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN**

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM  
(PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN ) 2012

P.U. (A) 1/2012 (KUAT KUASA 1.1.2012)

Penamatan demi kepentingan awam (PDKA) / Dasar Pemisah



# Penamatan Demi Kepentingan Awam




Bermaksud perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan kerana perkhidmatannya sebagai penjawat awam **tidak diperlukan lagi demi kepentingan awam** merangkumi

- Syarat-syarat perkhidmatan
- Kegunaan pegawai itu kepada perkhidmatannya
- Kerja dan kelakuan pegawai
- Segala hal keadaan lain kes itu

Sekiranya pegawai tidak dikeluarkan dari perkhidmatan awam, ianya akan **menjejas kepentingan awam**

# Penamatan Demi Kepentingan Awam



Ia dikenakan terhadap pegawai yang telah **disahkan dalam perkhidmatan dan berpencen.**

Implikasi ke atas seseorang yang ditamatkan perkhidmatannya ialah dia tidak lagi berada dalam perkhidmatan Badan Berkanun, tetapi mendapat faedah persaraan.

Bukan satu hukuman.

**TETAPI**

Satu prosedur untuk **menamatkan perkhidmatan pegawai**

# Penamatan Demi Kepentingan Awam



## ASAS-ASAS PERAKUAN;

### 1. Prestasi dan Kegunaan Pegawai

- Prestasi Merosot/Sangat lemah Tiada Potensi untuk memberi sumbangan kepada perkhidmatan
- Kehadiran di pejabat membebankan badan berkanun
- Kelemahan disebabkan sesuatu kemalangan atau peristiwa yang mana pegawai berkenaan tidak berupaya mengatasi kelemahannya.

### 2. Sering melakukan kesalahan tatatertib yang tidak begitu serius

- Tindakan-tindakan tatatertib tidak dapat memberi kesedaran dan keinsafan

### 3. Tidak Sesuai Diuruskan Mengikut Prosedur Tatatertib

- Keselamatan Negara
- Rahsia Kerajaan

## 4. Kesan Hukuman tatatertib Tidak Begitu Tepat Dengan Keadaan Kes Berkenaan

Contohnya : Pegawai hendak dikeluarkan dari perkhidmatan kerana kesalahan yang dilakukan agak berat tetapi kerajaan masih mengambil kira sumbangan-sumbangannya dan hendak diberi faedah saraan.



**Penamatan Demi  
Kepentingan Awam**

## 5. Diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan Sebagai Mengguna, Mengambil (selain daripada maksud perubatan), menyalahgunakan atau menagih dadah berbahaya;

- Prosedur ini terpakai bagi kes pegawai yang ditangkap dibawah Akta Penagihan Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983, Akta 283
- Pegawai telah diperintahkan oleh Mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti.




# Peluang Tunjuk Sebab

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan melainkan jika pegawai itu telah diberi **peluang untuk menunjukkan sebab dalam tempoh tidak kurang daripada 14 hari** dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.



# Pelantikan Semula

Seseorang pegawai yang telah ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja **tidak boleh dilantik semula** ke dalam perkhidmatan awam kecuali dengan kebenaran khas suruhanjaya.



# Notis Penamatan



Pegawai **tidak memberi jawapan kepada notis** untuk menunjukkan sebab di dalam tempoh yang ditetapkan



**Tiada sebab yang munasabah** wujud untuk tidak menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai berkenaan.



Tempoh notis bertulis adalah **30 hari** atau mengikut syarat pelantikan.




# TATATERTIB

---



## HUKUMAN TATATERTIB

Berdasarkan **Peraturan 38 P.U.(A) 395/1993**, jika seseorang pegawai didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, pegawai boleh dikenakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman bergantung kepada keseriusan kesalahan iaitu:



「terima kasih.」



**Seksyen Perkhidmatan dan Saraan**

Bahagian Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar